

Petikan Kata Terpilih Sepanjang 40 Tahun Najib Berkecimpung Dalam Politik Bernama

Feb 19, 2016

Oleh Sharifah Nur Shahrizad Syed Mohamed Sharer

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Tanggal 21 Feb tahun ini, genaplah 40 tahun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berkecimpung dalam arena politik tanah air.

Bertanding di kerusi yang pernah disandang ayahandanya Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, ketika beliau masih berusia 22 tahun, Najib mendaki tangga politik dengan dan menyandang pelbagai jawatan termasuklah sebagai Menteri Belia dan Sukan, Menteri Pendidikan, Menteri Pertahanan dan Timbalan Perdana Menteri sebelum diangkat sebagai Perdana Menteri keenam pada 3 April 2009.

Sepanjang kerjaya politiknya, beliau bukan sahaja banyak membawa transformasi dalam politik dan kerajaan, malah memberi banyak kata-kata nasihat dan peringatan serta penegasan.

Berikut antara petikan kata Najib dalam pelbagai acara sepanjang tempoh itu:

"Perjuangan untuk menobat dan memantapkan bahasa Melayu bukan berakhir dengan negara mencapai kemerdekaan. Perjuangan itu berterusan agar bahasa Melayu dapat dijadikan bahasa ilmu, bahasa teknologi maklumat (IT) dan bahasa sains dan teknologi".

(15 Jan, 1998: Ucapan sebagai Menteri Pendidikan sempena perhimpunan tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka)

"Kita mesti menjaga kedaulatan negara kita dan tidak boleh disalah tafsir oleh rakan kita dalam ASEAN bahawa kita memberi perlindungan kepada kumpulan pengganas dan pembebas dari negara mereka".

(16 April, 2001: Ucapan sebagai Menteri Pertahanan sempena Majlis Penganugerahan Tokoh Maal Hijrah 1422)

"Sekiranya kita gagal merancang membangunkan belia hari ini, maka sebenarnya kita sedang merancang satu keruntuhan bangsa di masa akan datang!"

(14 Mei, 2004: Ucapan sebagai Timbalan Perdana Menteri sempena perasmian Konvensyen Belia Kebangsaan 2004)

"Setiap rakyat Malaysia mesti menikmati hak untuk mendapatkan pendidikan berkualiti... dan hak ini adalah satu proses yang ada dalam sistem pendidikan kita".

(28 Ogos, 2007: Ucapan sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas menerima Anugerah Pingat Emas (Pendidik) Antarabangsa ABE-Edward de Bono 2007)

"Safkanlah kepada saya sekumpulan pimpinan yang ampuh dan padu. Bariskanlah kepada saya satu pasukan yang setia, berintegriti, berkebolehan lagi berdedikasi".

(24 March, 2009: Ucapan Timbalan Presiden Umno semasa merasmikan serentak persidangan perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO)

"Rakyat diutamakan akan merentasi seluruh lapisan masyarakat dan kumpulan etnik di setiap pelosok tanah air. Tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri mereka tercicir atau terpinggir daripada wacana nasional."

(3 April, 2009: Perutusan penerimaan jawatan Perdana Menteri)

"Saya mengajak seluruh warga untuk sama-sama melaksanakan satu transformasi besar buat negara dengan semangat "1Malaysia. Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan".

(3 April, 2009: Perutusan penerimaan jawatan Perdana Menteri)

"1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia".

(15 Jun, 2009: Ketika menjawab soalan mengenai 1Malaysia di Dewan Rakyat)

"Kerajaan sentiasa bersikap telus dan kita sedar akan prinsip akauntabiliti. Kita akan melakukan tugas secara telus kerana rakyat akan menilai dan membuat penentuan sama ada kita dapat memenuhi janji kita kepada rakyat atau sebaliknya".

(28 Jan, 2010: Perasmian Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan)

"Bila kita sebut negara maju dan berpendapatan tinggi, maka elemen yang boleh menyokong objektif tersebut tidak lain tidak bukan ialah kemampuan kita dari segi modal intelektual dan juga kemahiran.

(12 Mac, 2010: Sempena lawatan interaktif ke Universiti Kebangsaan Malaysia)

"Ingatlah bahawa Malaysia adalah tanah tumpah darah kita, di sini kita dilahirkan, di sini kita membesar, di sini kita mencari rezeki, di sini kita mencipta kejayaan dan di sinilah dengan takdir Tuhan kita akan bersemadi".

(30 Ogos, 2010: Perutusan Hari Kemerdekaan ke-53)

"UMNO tidak sekali-kali akan membiarkan bangsa Melayu menjadi bangsa yang melukut di tepi gantang, bangsa yang menjadi dagang di negeri sendiri".

(21 Oktober, 2010: Ucapan perasmian Perhimpunan Agung UMNO 2010)

"Kita tidak pernah berusaha melenyapkan mana-mana budaya, tidak juga pernah cuba menukar asal usul sesiapa. Hatta sampai sekarang ini masing-masing bebas mengekalkan jati diri".

(5 Dis, 2010: Amanat dasar sempena Konvensyen Barisan Nasional)

"Hari ini, umat Islam perlu bertindak untuk memperbetulkan keadaan. Kita harus bertindak untuk memperkenalkan Islam yang betul, cantik dan menarik. Oleh itu, kita harus menguasai media untuk merealisasikan impian ini".

(7 Dis, 2010: Ketika melancarkan stesen televisyen Islam pertama negara, TV Al Hijrah di Kompleks Pusat Islam)

"Felda pada hari ini boleh dianggap sebagai sebuah perbadanan multinasional di peringkat antarabangsa yang boleh dibanggakan".

(16 Ogos, 2013: Di acara perasmian Sambutan Hari Peneroka Kebangsaan, Pelancaran Pelan Integriti Felda)

"Wahai ahli UMNO semuanya, Wahai pejuang parti sekalian, Bingkas dan bangkitlah, UMNO parti menunjang watan, UMNOlah parti anak jantan".

(7 Dis, 2013: Amandat Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak pada penutup Perhimpunan Agung UMNO 2013)

-- BERNAMA

Copyright © 2015 BERNAMA

<http://www.bernama.com/bernama/v8/newsindex.php?id=1217540>